

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKE 311 – Mikroekonomi 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan di atas kertas soalan ini.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN INI KEPADA KETUA PENGAWAS.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALAN INI.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

JAWAB SEMUA SOALAN

1. (a) Takrifkan Kriteria Pareto dan Pareto-Optimum


(4 markah)

-
- (b) Nyatakan DUA kelemahan Kriteria Pareto

(4 markah)

- (c) Rujuk kepada Gambar rajah A di bawah. Andaikan bahawa alokasi input L dan K antara industri X dan Y di beri oleh titik M dan N . Titik manakah yang kurang cekap? Jelaskan

(5 markah)

**Gambarajah A**

(d) Antara titik D, E dan F manakah titik cekap Pareto? Jelaskan.

(5 markah)

(e) Apakah fungsi Kebajikan Sosial Bentham?

(2 markah)

- (f) Teorem Ketidakmungkinan Arrow menyebut empat syarat ataupun dasar-dasar penting dalam persetujuan sosial. Namakan 3 dari syarat-syarat tersebut dan jelaskan.

(5 markah)

-
2. (a) Apa ertinya pasaran bermonopoli?

(3 markah)

- (b) Andaikan Industri X berpasaran monopoli, maka $MRS_{xy} > MRT_{xy}$, ataupun campuran output tidak membayangkan pilihan pengguna, lakarkan gambarajah yang menunjukkan kegagalan pasaran ini.

(5 markah)


ARAHAN: Isi tempat kosong dengan perkataan ini: lebih besar atau lebih kecil.

- (c) Jika Monopsoni wujud didalam pasaran buruh bagi industry X, ini bermakna MFC_{LK} _____ dari P_L dalam industri X, maka $(MRTS_{LK})X$ _____ $(MRTS_{LK})Y$

(2 markah)

- (d) Jika $MRTS_{LK}$ di dalam industri X lebih besar dari $MRTS_{LK}$ di dalam industri Y, industri manakah yang patut menambahkan penggunaan input L untuk meningkatkan kebajikan ekonomi? Jelaskan.

(2 markah)



Gambarajah B

Gambarajah B menunjukkan kegagalan pasaran disebabkan kuasa monopsoni

Soalan (e – g), berpandukan gambarajah B.

(e) Jika kuasa 'Monopsoni' dapat dihapuskan, terangkan proses penyelesaiannya.

(3 markah)

(f) Dapatkah eksploitasi buruh yang dihasilkan oleh kuasa monopsoni dapat dihapuskan sepenuhnya? Terangkan.

(4 markah)

(g) Di dalam gambarajah B yang diberi,

i) Lakarkan titik kesudahan keseimbangan. (2 markah)

ii) Keluk isokuan industri X sesudah keseimbangan. (2 markah)

iii) Keluk isokuan industri Y sesudah keseimbangan. (2 markah)

3. (a) Apakah 'barangan persendirian'? (3 markah)

- (b) Mengapakah barangan awam menyebabkan kegagalan pasaran?
(3 markah)

-
- (c) Andai kata, Keluk permintaan individu A dan B terhadap sejenis barang awam di beri oleh persamaan di bawah jawab soalan (i-vi)

$$P_a = 100 - 10G$$

$$P_b = 200 - 20G$$

Di mana G = kuantiti barang awam

P_a dan P_b ialah harga yang di tawarkan oleh A dan B

- i) Terbitkan persamaan untuk keluk permintaan agregat (D_t) barang tersebut

(3 markah)

- ii) Katakan kos marginal pengeluaran output adalah malar dan bernilai RM60, apakah output optimum dan kos yang dibiayai oleh individu A dan B?

(3 markah)

-
- iii) Andaikata individu B tidak menunjukkan pilihannya, tetapkan tahap output dan kos yang di tanggung oleh A dan B yang sebenarnya.

(3 markah)

- iv) Hitungkan nilai faedah bersih yang dinikmati oleh individu B setelah ia menjadi penunggang percuma.
(3 markah)

-
- v) Berapakah tambahan lebih pengguna yang dinikmati oleh B setelah ia menjadi penunggang percuma?
(3 markah)

- vi) Adakah masalah penunggang percuma dapat di hapuskan sepenuhnya?
Jelaskan.

(4 markah)

-
4. (a) Apakah pendapat Teori Terbaik Kedua?

(3 markah)

- (b) Andaikan satu kes di mana sebuah firma monopoli yang sedang mencemarkan udara melalui proses pengeluarannya. Ini bermakna output dikeluarkan pada $P_x > MC_x$ dan kos marginal sosial melebihi kos marginal persendirian. Dan ini bermakna output X melebihi tahap yang optimum daripada segi kebajikan masyarakat. Lakarkan gambarajah tersebut dan tandakan titik yang mana X dikeluarkan

(3 markah)

-
- (c) Jika kedua-dua ketidakcekapan (monopoli dan kesan luaran) tidak wujud, tandakan penyelesaian pasaran sempurna sebagai E.

(3 markah)

- (d) Dengan wujudnya monopoli dan kesan luaran negatif, output akan di tetapkan pada F, tandakan titik F dan jelaskan.

(3 markah)

-
- (e) E adalah pilihan terbaik pertama, apakah pilihan terbaik kedua? Tandakan titik tersebut dan jelaskan.

(3 markah)

- (f) Katakan kerajaan dapat menghapus kesan luaran tetapi kuasa monopoli masih wujud. Adakah keadaan ini lebih baik dari keadaan sebelumnya? Apakah pilihan kedua terbaik? Jelaskan

(10 markah)